Nama: _____ Tarikh: _____

Praktis 3

BAB 3
Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

Hal. Buku Teks: 38 – 53

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Apakah bukti yang menunjukkan kerajaan Funan menjadikan bahasa Sanskrit sebagai bahasa utama?
   - **A** Penemuan candi
   - **B** Penemuan inskripsi Funan
   - **C** Penemuan batu bersurat Funan
   - **D** Penemuan inskripsi bahasa Sanskrit

2. Gambar berikut merupakan batu bersurat tertua berbahasa Melayu Champa yang ditemukan pada abad keempat.



   Apakah kesan penggunaan bahasa Melayu dalam kerajaan Champa?
   - **A** Perkembangan persuratan Melayu
   - **B** Perkembangan tulisan Jawi
   - **C** Perkembangan tulisan Palava
   - **D** Perkembangan agama Islam

3. Gambar berikut merupakan penemuan Batu Bersurat Talang Tuwo yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan pengaruh bahasa Sanskrit pada abad ketujuh.

   Apakah maksud terjemahan ayat pada batu bersurat tersebut?
   - **A** Kegagalan pemerintah dalam mentadbir
   - **B** Kemakmuran sesebuah negeri di bawah pemerintah
   - **C** Kesuburan tanah melalui penanaman pertanian dirasai hasilnya
   - **D** Kemajuan dalam perikanan memajukan sesebuah kerajaan

4. Maklumat berikut berkaitan sistem tulisan yang digunakan oleh masyarakat Kerajaan Angkor.

Masyarakat kerajaan Angkor menggunakan bahasa Sanskrit dan Khmer yang dibuktikan dengan penemuan inskripsi pada dinding candi.

   Apakah jenis tulisan pada candi tersebut?
   - **A** Tulisan Jawi
   - **B** Tulisan Pegon
   - **C** Tulisan Palava
   - **D** Tulisan Kawi

LIVEWORKSHEETS

5. Tulisan berikut merupakan tulisan Pegon yang menggunakan huruf Arab selepas tersebarnya agama Islam.



Apakah jenis tulisan yang digunakan sebelum tersebarnya agama Islam?

A Tulisan Kawi
B Tulisan Palava
C Tulisan Khmer
D Tulisan Champa Kuno

6. Antara berikut yang manakah perkataan yang memasukkan pengaruh bahasa Parsi ke dalam bahasa Melayu?

I Qamus
II Bhumi
III Anggur
IV Gandum

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Apakah kepentingan hasil tulisan masyarakat kerajaan Alam Melayu pada hari ini?

A Belajar bentuk tulisan
B Panduan memahami sejarah
C Memahami persuratan Melayu
D Sumber rujukan dan dokumentasi

8. Tradisi lisan lahir berdasarkan alam sekeliling.
Apakah tema utama dalam tradisi lisan ini?

A Adat
B Ilmu Matematik
C Penggunaan teknologi
D Pembelajaran ilmu fekah

9. Gambar berikut ialah Batu bersurat Karang Brahi ditemukan di Jambi yang menunjukkan kegiatan persuratan kerajaan Srivijaya.



Apakah yang dipaparkan pada batu bersurat tersebut?

A Kemasyhuran seseorang raja
B Kepentingan taat setia terhadap raja
C Kepentingan kerjasama antara pemerintah dan rakyat
D Hukuman yang dikenakan terhadap pesalah

10. Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Angkor dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Sdok Kok Thom di Kemboja. Pemerintah manakah yang diperihalkan pada batu bersurat tersebut?

A Ramayana II
B Jayavarman II
C Jayavarman III
D Suryavarman II

11. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan kegiatan persuratan di Alam Melayu yang mendapat pengaruh epik dan sastera India?

A *Pararaton*
B *Ramayana*
C *Nagarakertagama*
D *Tantu Panggelaran*

LIVEWORKSHEETS

12. Gambar berikut merupakan ukiran pada dinding Candi Banteay Srei, Angkor.

Apakah watak yang digambarkan dalam ukiran tersebut?

A Shiva daripada karya *Ramayana*
B Shiva daripada karya *Mahabhrata*
C Krishna daripada karya *Ramayana*
D Krishna daripada karya *Mahabhrata*

13. Penyebaran Islam ke Alam Melayu telah mempengaruhi persuratan Melayu dalam bentuk sastera.
Apakah bentuk-bentuk sastera Islam tersebut?

I	Syair	III	Pantun
II	Sajak	IV	Gurindam
A	I dan II	C	II dan III
B	I dan IV	D	III dan IV

14. Karya berikut merupakan contoh karya kisah nabi yang terkenal termasuklah *Hikayat Nabi Bercukur.*

Apakah bahasa yang diterjemah di dalam karya tersebut?

A Bahasa Arab
B Bahasa Melayu
C Bahasa Sanskrit
D Bahasa Champa Kuno

15. Apakah kelebihan kapal yang dibina oleh masyarakat kerajaan Funan?

A Memuatkan 700 orang dan 1000 tan kargo barangan
B Memuatkan hampir 1000 orang dan 1000 tan kargo barangan
C Dibina daripada kayu yang tahan panas dan hujan
D Mampu membawa penumpang melebihi 2000 kapasiti

16. Apakah kegunaan kapal yang turut dibina di dalam kerajaan Angkor selain *baray*?

A Perdagangan dan peperangan
B Mendapatkan hasil laut yang banyak di tengah laut
C Belayar ke negara lain dan menyebarkan agama Buddha
D Keperluan penduduk untuk menjual hasil dagangan

17. Candi berikut merupakan Candi Mi Son yang terkenal dalam kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan Awal Melayu yang manakah mempunyai candi tersebut?

A Kerajaan Funan
B Kerajaan Angkor
C Kerajaan Champa
D Kerajaan Majapahit

LIVEWORKSHEETS

18. Dalam kerajaan Kedah Tua, apakah pengaruh yang ditumpukan kepada pembinaan candi?
   A Pengaruh agama Islam
   B Pengaruh pedagang Arab
   C Pengaruh pedagang India
   D Pengaruh agama Hindu dan Buddha

19. Apakah kesimpulan yang paling tepat boleh dibuat melalui kepelbagaian sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu?
   A Masyarakat saling berlumba-lumba menunjukkan kemampuan masing-masing
   B Masyarakat yang mementingkan kedudukan sosial dan taraf
   C Masyarakat bekerjasama dan meningkatkan kehidupan
   D Masyarakat suka melakukan kepelbagaian dalam hidup

20. Antara berikut yang manakah golongan yang boleh dikategorikan dalam golongan yang diperintah?
   A Ilmuan
   B Artisan
   C Pendeta
   D Pembesar

LIVEWORKSHEETS